

9 JAN 1996

Keating - Lawatan

KEATING AKAN LAWAT MALAYSIA SELAMA DUA HARI UNTUK TINGKATKAN HUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Australia Paul Keating dijadual tiba di sini Isnin ini untuk lawatan dua hari, lawatan rasmi pertamanya ke Malaysia, untuk mengukuhkan hubungan dua hala.

Beliau akan diiringi oleh isterinya, Annita, para pegawai kanan kerajaan dan sekumpulan ahli perniagaan, demikian menurut Wisma Putra dan Suruhanjaya Tinggi Australia dalam kenyataan berasingan hari ini.

Selepas majlis sambutan di Medan Parlimen, Keating akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negeri Sembilan.

Pada sebelah malam, pemimpin Australia dan rombongan beliau akan diraikan dalam satu jamuan malam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana.

Pada Selasa, Keating akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri. Selepas itu kedua-dua pemimpin berkenaan akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian dan memorandum persefahaman antara sektor swasta kedua-dua negara.

Beliau kemudian akan menyampaikan ucapan dasar pada Forum Perniagaan Malaysia-Australia di Hotel Istana.

Ini akan disusuli dengan kunjungan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim

Satu program berasingan diatur untuk Annita yang termasuk perjumpaan dengan pasukan doktor bedah dan pesakit dari projek pemulihan pendengaran di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pasukan itu mencatatkan sejarah dalam perubatan Malaysia baru-baru ini dengan kejayaan pertamanya memasang "telinga bionik" rekaan Australia yang membantu orang pekak memperolehi pendengaran mereka semula.

Keating akan berlepas ke Singapura pada Rabu.

Keating, 51, dipilih sebagai pemimpin Parti Buruh Australia dan Perdana Menteri oleh Parlimen Parti Buruh pada 19 Dis, 1991. Beliau mengetuai kerajaan persekutuan dengan mencatat sejarah apabila memenangi penggal kelima beliau dalam pilihan raya pada Mac 1993.

Pemimpin Australia yang terakhir melawat Malaysia ialah bekas Perdana Menteri Bob Hawke pada Februari 1984. -- BERNAMA